

24/01/2001

Budaya kerja Jepun patut jadi contoh

Anak Malaysia

PANDANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat mengikut dan mengamalkan nilai murni masyarakat Jepun perlu diberi perhatian oleh rakyat Malaysia.

Kita perlu mengakui bahawa semangat kerja keras dan berbudi bahasa masyarakat Jepun boleh dicontohi oleh rakyat kita.

Dunia telah melihat kebangkitan Jepun selepas Perang Dunia Kedua tanpa bantuan orang lain.

Rakyatnya sanggup bekerja tanpa meminta balasan bagi membangunkan negara mereka yang musnah oleh bom atom.

Semangat juang tinggi rakyat Jepun pada masa itu, membolehkan mereka menjadi antara kuasa ekonomi dunia sekarang.

Ini adalah antara contoh yang perlu diikuti oleh rakyat Malaysia jika ingin maju seperti Jepun.

Mengikut laporan media, Dr Mahathir berkata, banyak lagi perkara yang boleh dipelajari oleh rakyat Malaysia daripada Jepun, terutama dalam bidang teknologi tinggi.

Menurutnya, ada teknologi ciptaan Jepun yang tiada di negara lain dan ia perlu dipelajari oleh rakyat Malaysia.

Kita yakin dengan saranan Perdana Menteri itu bagi menjadikan matlamat Wawasan 2020 menjadi kenyataan. Jika Malaysia mahu menjadi negara maju menjelang tempoh itu, rakyatnya perlu bersedia daripada sekarang.

Saya sebagai bekas pelajar Malaysia yang dihantar ke Jepun melalui Dasar Pandang Ke Timur, saya dapat merasakan faedah daripada dasar berkenaan.

Banyak yang dipelajari oleh pelajar Malaysia di Jepun, terutama cara mereka bekerja. Orang Jepun pula berbudi bahasa dan sentiasa menghormati orang lain. Ini juga perlu dicontohi dan diamalkan ketika pulang berkhimdat di tanah air.

Malangnya ilmu dan nilai itu hanya diamal dan disemai ketika berada di Jepun. Apabila pulang ke tanah air, hilang semua nilai murni itu.

Saya juga mendapati apabila mereka tamat belajar, ramai pelajar yang bekerja di syarikat Jepun di Malaysia.

Saya sedar keadaan ini berlaku kerana syarikat Jepun lebih berminat mengambil pelajar Malaysia yang mendapat ilmu di negara mereka. Golongan pelajar itu bukan saja boleh berbahasa Jepun, malah tahu tradisi bekerja syarikat Jepun.

Saya tidak salahkan mereka berbuat demikian kerana kadangkala kerajaan tidak mempunyai tempat sesuai untuk pelajar lepasan pusat pengajian di Jepun.

Dalam keadaan tertentu, bekas pelajar itu lebih berminat bekerja di syarikat Jepun kerana tawaran gaji yang lebih lumayan berbanding sektor kerajaan.

Apabila keadaan ini berlaku, apakah faedah yang dapat mereka berikan dalam pembangunan negara. Ilmu dan teknologi yang mereka pelajari dicurahkan kembali kepada syarikat Jepun. Dalam hal ini, syarikat Jepun yang mendapat faedahnya.

Mereka tidak mengembangkan ilmu dan pengetahuan kepada sektor kerajaan.

Saya berpendapat kerajaan perlu meneliti perkara ini kerana ia penting bagi memastikan pemindahan teknologi Jepun dapat dinikmati oleh penduduk Malaysia keseluruhannya.